

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera



**Teks Ucapan**  
**YB Tan Sri TPr Annuar bin Haji Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**

**Majlis Transformasi Taman Tasik Titiwangsa**

**7 Ogos 2020 (Jumaat)**  
**Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur**

**Selamat datang ke Wilayah Persekutuan,**  
**Wilayah Prihatin**

**Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Santhara J.P**  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

**YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar,**  
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan

**YBhg. Dato' Nor Hisham Bin A Dahlan**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**YBhg. Tan Sri Dato' Lim Kang Hoo**  
Pengerusi Eksekutif, Ekovest Berhad

**Wakil-wakil Jabatan dan Agensi**

**Ahli-ahli Majlis Perwakilan Penduduk Setiawangsa**

**Rakan-rakan media**

**Para hadirin Yang Dirahmati Allah Sekalian**

1. Pertamanya saya mengucapkan syukur ke hadirat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada **Majlis Transformasi Taman Tasik Titiwangsa** pada malam ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran semua pihak pada malam ini menunjukkan sokongan serta semangat terhadap kecintaan kita pada alam sekitar.

3. Taman Tasik Titiwangsa yang pada asalnya dikenali sebagai Taman Jalan Kuantan ini dibuka buat pertama kalinya pada 1 Februari 1980 oleh Allahyarham Tun Hussein bin Dato' Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ke-3, telah banyak mengalami perubahan serta penambahbaikan sepertimana yang kita dapat lihat sekarang.

4. Kerja-kerja penambahbaikan dan pengindahan Taman Tasik Titiwangsa ini telah dilaksanakan secara reka dan bina sejak 7 Mei 2018 dan siap pada 3 November 2019. Ianya melibatkan kawasan seluas 20.23 hektar dari keluasan keseluruhan 46.13 hektar dengan kos projek sebanyak RM99.8 juta.

5. Penaiktarafan Taman Tasik Titiwangsa ini adalah salah satu daripada pakej pembangunan bagi Projek *River of Life* (ROL) yang sedang dilaksanakan ketika ini.

**Para hadirin sekalian,**

### **Cakna Keindahan Alam Sekitar Wilayah Prihatin**

6. Projek pengindahan Taman Tasik Titiwangsa di bawah kluster Cakna Keindahan Alam Sekitar Wilayah Prihatin ini dibangunkan khusus bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada warga kota.

7. Sehingga kini, terdapat sebanyak 27 kawasan taman awam di Wilayah Persekutuan (iaitu 16 di Kuala Lumpur, 8 di Putrajaya dan 3 di Labuan) dengan jumlah keluasan keseluruhan 2,570.72 hektar. Ini termasuk Taman Persekutuan Bukit Kiara yang diselenggara di bawah Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan keluasan 111 hektar yang telah diwartakan.

8. Di samping itu juga, Kuala Lumpur mempunyai sebanyak 405 Taman Permainan Kanak-kanak, 305 kawasan lapang (845 hektar), Kawasan Hijau Linear (219 hektar) dan Taman Poket (4.39 hektar).

9. Di Kuala Lumpur terdapat 4 lokasi Hutan Simpan Kekal dengan keluasan 68.26 hektar. Antaranya ialah Hutan Simpan Bukit Nanas (26 ekar), Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh (18.3 ekar), Hutan Simpan Bukit Sungai Besi (104 ekar) dan Hutan Simpan Bukit Lagong (22 ekar).

## **Pewartaan Kawasan Lapang Sebagai Taman Rekreasi Awam**

10. Taman Tasik Titiwangsa ini juga adalah merupakan salah satu kawasan yang telah diwartakan sebagai taman rekreasi awam. Sehingga kini, pihak DBKL telah mewartakan seluas 966.05 hektar kawasan di sekitar Kuala Lumpur sebagai Kawasan Lapang Rekreasi. Ini termasuklah kesemua 16 taman awam, taman permainan kanak-kanak dan kawasan lapang rekreasi dan hijau. Di samping itu, pihak DBKL telah mengenalpasti kawasan seluas 1,033.99 hektar lagi tapak-tapak yang berpotensi sebagai tanah lapang berdasarkan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020).

11. Kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan lapang dan rekreasi ini akan dibangunkan oleh DBKL untuk tujuan penghijauan termasuk sebagai kawasan riadah dan rekreasi kepada wargakota. Namun, kegunaan untuk tujuan komersial adalah tidak

dibenarkan. Bagi rezab hutan simpan, ianya diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

### **Taman Rekreasi Sebagai Tarikan Pelancongan**

12. Di samping menambah daya tarikan pelancong, kawasan-kawasan taman rekreasi awam di Wilayah Persekutuan menawarkan pengalaman unik dan eksklusif bukan setakat keperluan warga kota, tetapi juga menjadi tarikan kepada pengunjung tempatan dan antarabangsa. Statistik pada 2019 mencatatkan lebih kurang 23 juta orang pengunjung telah direkodkan hadir ke taman-taman awam di seluruh Wilayah Persekutuan.

13. Jumlah kos perbelanjaan yang diperuntukkan untuk menyelenggara dan menjaga alam sekitar dan menjaga taman-taman rekreasi di seluruh Wilayah Persekutuan termasuk taman di bawah JLN adalah dianggarkan berjumlah RM79.75juta setahun.

14. Bagi mengekalkan dan meningkatkan kawasan hijau dalam Bandaraya Kuala Lumpur, pihak DBKL telah mensyaratkan keperluan peruntukan 10 peratus kawasan lapang serta 2 meter perimeter planting perlu disediakan dalam tapak pembangunan yang akan dibangunkan. Ianya penting bagi menyeimbangkan pembangunan fizikal dan kehijauan bandar bagi memberikan keselesaan kepada warga kota.

15. Adalah menjadi dasar Kementerian untuk memastikan alam sekitar di Wilayah Persekutuan ini dipelihara, dilindungi dan diurus secara mampan ke arah persekitaran yang kondusif dan harmoni.

### **Kemudahan Terkini Di Taman Tasik Titiwangsa**

16. Taman Tasik Titiwangsa ini telah mula dibuka kepada orang awam pada 15 Disember 2019 dan mendapat sambutan yang baik oleh rakyat. Banyak kemudahan sedia ada telah dinaiktaraf, menanti pengunjung di Taman Tasik Titiwangsa ini termasuklah

papan tanda arah, laluan pejalan kaki, surau, tandas, meja-meja piknik, bangunan astaka dan taman permainan kanak-kanak.

17. Surau-surau telah disediakan satu ruangan khas bagi pengguna kerusi roda untuk menunaikan solat. Di tandas-tandas pula, disediakan pangkin tukar lampin bayi, bukan sahaja di bahagian tandas wanita malah di bahagian tandas lelaki juga. Taman permainan kanak-kanak yang dinaik taraf turut direka oleh pereka, pembekal dan pembina yang mempunyai sijil '*Certified Playground Safety Inspector*'. Ia juga pernah diaudit oleh beberapa keluarga yang mempunyai anak-anak '*Autism Spectrum Disorder*', sindrom Asperger, *cerebral palsy* dan '*Attention deficit hyperactivity disorder*' bagi penambah-baikkan sebelum keseluruhan taman ini dibuka kepada awam pada 15 Disember 2019.

18. Terdapat sistem pengudaraan tasik dalam bentuk '*water-jet fountain*' yang pancutan airnya boleh

mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 20 tingkat bangunan atau 60 meter, dan turut diterangi cahaya lampu warna-warni pada waktu malam.

19. Turut dinaik taraf adalah rumah sampan atau '*boat house*' dengan kemudahan kafe, berlatarkan pemandangan tasik yang indah.

20. Tidak lupa juga pokok-pokok serta bunga-bunga yang ditambah baik dengan landskap visual yang berwarna-warni dan berbau wangi di sekitar taman.

21. Selain daripada kerja-kerja penaik-tarafan, transformasi Taman Tasik Titiwangsa ini juga boleh dilihat dengan beberapa penambahan kemudahan serta tarikan-tarikan lain. Terdapat taman air kanak-kanak yang baru, dengan rekaan struktur-struktur dan arca yang unik.

22. Ada Laman Kerawang atau 'Maze Garden' yang menggunakan rekaan kerawang sulaman dan menampilkan tanaman pagar pokok kemuning yang wangi setinggi 1.2 meter. Dichelah-celah pokok kemuning ini terdapat 16 ekor rama-rama berlampu LED yang menjadi lebih menarik pada waktu malam.

23. Ada struktur titian kanopi jambatan dengan tiga kolam buatan serta jeram kecil di bawahnya, ditambah dengan sistem kabus buatan serta lampu LED seperti kunang-kunang dipasang di celah-celah pokok, dan lampu-lampu di celah batuan, jeram dan pokok yang menyerlahkan lagi keindahan kepada para pengunjung.

24. Turut disediakan ialah dua laluan trek berasingan yang disediakan kepada pengunjung iaitu untuk aktiviti berjogging ataupun berbasikal. Jumlah panjang trek berjogging yang disediakan ialah sebanyak 4.65 kilometer dan sepanjang 2.55 kilometer trek basikal.

25. Tidak ketinggalan terdapat lima kiosk buku yang baru disediakan di sekitar taman, selaras dengan Kuala Lumpur World Book Capital 2020 (KLWBC2020). Dua buah kiosk berbentuk 'T' di dua pintu masuk utama ke taman, dan tiga biji kiosk di tiga wakaf tepian tasik.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

### **Penerapan Elemen Safe City**

26. Keselamatan para pengunjung di Taman Tasik Titiwangsa ini juga amat dititikberatkan. Saya telah meminta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menerapkan elemen-elemen *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dengan meletakkan *panic button* pada lokasi yang bersesuaian serta mewujudkan elemen-elemen pengawasan semulajadi (*natural surveillance*) seperti pemasangan CCTV dan sebagainya supaya para pengunjung atau pelancong luar akan berasa selamat ketika berekreasi di taman yang indah ini.

## **Semoga Kemudahan Ini Dipelihara & Dimanfaatkan Bersama**

27. Kita harus berbangga dengan perubahan kepada Taman Tasik Titiwangsa yang kini berwajah baharu dengan persekitaran yang lebih cantik dan selesa.

28. Salah satu tanggapan yang sering kita salah ertikan adalah tanggungjawab menjaga kebersihan selalunya dianggap sebagai tugas pihak berkuasa. Pandangan ini sebenarnya sama sekali tidak benar!

29. Kebersihan bukan hanya terletak pada kerja-kerja pembersihan yang dijalankan oleh pihak berkuasa ataupun Alam Flora, tetapi ianya juga bergantung kepada tabiat positif masyarakat yang tidak suka kepada keadaan persekitaran yang kotor.

30. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua pihak supaya bersama-sama

memastikan kehijauan, keindahan dan kemampunan lanskap di persekitaran taman tasik ini terus mekar dan segar kerana keharmonian Taman Tasik Titiwangsa ini adalah ibarat **“oasis di tengah bandaraya Kuala Lumpur”** (*an oasis of calm in the center of the city*).

31. Para pengunjung juga dimohon untuk tidak terlibat dalam sebarang aktiviti vandalisme yang boleh merosakkan kemudahan-kemudahan yang disediakan terutamanya tanaman lanskap serta pokok-pokok bunga yang ditanam di taman ini.

32. Bersama-samalah kita menjaga kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk kebaikan semua dan yang paling penting adalah menjaga kebersihan taman awam ini dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

33. Walaupun pelbagai cabaran dan halangan bakal dihadapi dalam usaha untuk mengekalkan keindahan

Taman Tasik Titiwangsa ini, namun saya yakin dengan usaha secara konsisten dan beristiqamah, pastinya taman ini akan dapat dipelihara serta dinikmati oleh masyarakat ketika ini serta generasi yang akan datang.

34. Saya juga percaya bahawa persekitaran lanskap yang bersih dan indah mampu menyumbang kepada kesejahteraan penghuni di Wilayah Persekutuan.

35. Semoga Taman Tasik Titiwangsa ini juga menjadi lokasi pelancongan wajib singgah bagi pelancong domestik dan luar negara yang berkunjung ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

36. Sebagai langkah berjaga-jaga dalam mengawal penularan wabak COVID-19, pengunjung diingatkan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan serta meningkatkan kawalan sendiri ketika berkunjung ke taman ini.

## **PENUTUP**

37. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini khususnya pihak Jawatankuasa Penganjur yang terdiri daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), DBKL dan semua Jabatan serta Agensi yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

38. Di kesempatan pada bulan kemerdekaan pada tahun ini yang bertemakan 'Malaysia Prihatin' dan Sambutan ulang tahun ke-50 Rukun Negara bermula pada 9 Julai hingga 16 Sept 2020 ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-63 kepada semua warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Sekian,                      Wabillahitaufiq                      Walhidayah,  
Wassalamu'alaikum      Warahmatullahi      Wabarokatuh.  
Terima kasih.